

Tentukan had maksimum zon perlindungan pokok

Kajian lebih terperinci perlu dilakukan bagi menentukan kesesuaian dan keperluan sebenar saiz kawasan zon perlindungan pokok supaya Malaysia tidak ketinggalan dengan negara lain.

Arkitek Landskap di Raintree Arborist Sdn Bhd, Muhammad Ammar Hamzah, berkata Singapura, contohnya ada garis panduan yang memperincikan saiz zon perlindungan pokok mengikut diameter pokok yang disesuaikan dengan spesies dan keperluan setempat.

Katanya, negara lain seperti Britain pula menetapkan had maksimum zon perlindungan pokok kepada sehingga 12 meter jejari sahaja.

“Jika saiz zon perlindungan pokok besar menjadi halangan, tiba masanya untuk reka bentuk kreatif dan inovatif diterapkan bagi membolehkan ruangan sama dapat berfungsi dan diguna pakai untuk aktiviti manusia tanpa menjejaskan keadaan akar di bawah tanah.

“Sebagai contoh, terdapat beberapa reka bentuk sistem turapan terapung (suspended pavement system) yang



Muhammad Ammar

diaplikasikan di negara luar bergantung kepada jenis penggunaan dan kehendak reka bentuk.

“Dengan itu, pemeliharaan pokok dapat dilaksanakan dengan lebih baik bagi memastikan keadaan pokok kekal berada dalam keadaan terbaik sekali gus mengurangkan risiko kegagalan

pokok (tumbang) tanpa menjejaskan fungsi ruang kawasan itu,” katanya.

▲
PBT sedang melakukan kerja pemantauan dan mencantas cabang pokok yang rendah mengelak menimpa pengguna jalan raya.

Arbor diberi peranan projek pembangunan

Sudah tiba masanya ahli arbor bertauliah (pakar mengendalikan tumbuhan berkayu terutama pokok dari segi pemantauan keadaan) diberi tanggungjawab dan peranan lebih aktif di dalam setiap projek pembangunan.

Pembabitian mereka sebagai pemuliharaan pokok supaya dapat memberi nasihat tepat dan lebih pantas sepanjang fasa pembangunan itu, berbanding situasi semasa di mana ahli arbor hanya dipanggil selepas kerosakan serius berlaku dan ruang untuk penambahbaikan dibuat adalah sangat terhad.

“Jadi, penebangan pokok bukan satu-satunya langkah mitigasi perlu dilakukan. Dalam banyak keadaan, mitigasi secara pangkasan sudah memadai seperti cantasan pada dahan mati, rosak dan cantasan untuk menyeimbangkan silara serta mengurangkan bebanan pada silara pokok.

“Pemasangan sistem sokongan seperti penyangga boleh dilakukan terutama terhadap pokok yang bernilai dan mempunyai nilai warisan,” katanya.

Keindahan pohon warisan jadi legasi

Tegasnya, ini penting kerana pokok di kawasan bandar adalah sebaha-

Pemeriksaan lanjutan menggunakan alat dibuat pada pokok bagi mengenalpasti tahap pereputan dalaman.



gian daripada identiti kawasan itu, ada hubung kait sosial yang rapat dengan masyarakat dan ekosistem setempat.

“Amat menyedihkan apabila pokok yang menjadi mercu dan salah satu tarikan sesuatu kawasan terancam satu persatu akibat tekanan pembangunan.

“Keindahan pohon warisan seharusnya menjadi legasi berterusan agar terus dinikmati generasi akan datang melalui pengurusan pokok lebih berkesan,” katanya.

Terdahulu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, mengarahkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menanam semula 100 pokok baharu bagi menggantikan setiap pohon yang terpaksa dipotong.